



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 24 FEBRUARI 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAFI BANTU 500 PENANAM TEMBIKAI, KELANTAN, HAKAKAH -H12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PENTERNAK IKAN SANGKAR GULUNG TIKAR, LOKAL, HM -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	LPPM BANTU PETANI ALAMI KERUGIAN, NASIONAL, HAKAKAH -H29	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4.	WANG EHSAN MADA UNTUK 20 PESAWAH TRAGEDI KEPALA AIR, UTARA, HAKAKAH -H17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	APMM TAHAN DUA BOT, 15 NELAYAN VIETNAM DICEKUP MENCEROBOH, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN
6.	159 NELAYAN VIETNAM DIDENDA RM38.25 JUTA, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -15	
7.	SELAMATKAN TERNAKAN IKAN KERAPU HIBRID, NEGERI KELANTAN, SH -26	
8.	BAJA IKAN AIDA DAPAT SAMBUTAN HANGAT, BISNES, SH -30	
9.	MMEA NABS 15 VIETNAM FISHERMEN, NATION/NEWS, NST -11	
10.	BIAK IKAN NEMO DALAM AKUARIUM, GAYA INOVASI, UM -24	
11.	KAEDAH PEMBIAKAN IKAN NEMO, GAYA INOVASI, UM -25	
12.	REP: PPK BEST AGENCY FOR FARMERS TO RECEIVE FARMING ASSISTANCES, BORNEO POST -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# MAFI bantu 500 penanam tembikai

Oleh **ZULKEFLI HUSSIN**

**PASIR PUTEH:** Kira-kira 500 penanam tembikai di Pasir Puteh dan Bachok yang mengalami kerugian akibat tanaman mereka ditenggelami air turut mendapat perhatian Kementerian Per-

tanian dan Industri Makanan (MAFI).

Timbalan Menteri MAFI, Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, petani terbabit menanggung kerugian hampir RM2 juta akibat tanaman mereka rosak ditenggelami air minggu lepas.

Katanya, Jabatan Pertanian dari Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kelantan membuat banciaan bagi mengenal pasti petani yang

terjejas.

"Bantuan yang akan diberi turut mengambil kira petani yang berhutang bagi membajak tanah, membeli racun dan baja," katanya selepas menyampaikan bantuan MAFI Prihatin di sini pada Isnin.

Turut hadir Adun Semerak Wan Hassan Wan Ibrahim dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi (LPP) Nik Shaharil Nik Md Hashim.

Dr Nik Muhammad Zawawi berkata, pengeluaran tembikai yang dihasilkan di dua kawasan seluas 400 hektar tersebut dapat menampung keperluan tembikai di seluruh negara.

Bagaimanapun katanya masalah itu tidak menjejaskan bekalan tembikai pada Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri nanti memandangkan ada kawasan lain yang tidak terjejas.



Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh menyampaikan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas kesihatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2022	HARIAN METRO	LOKAL	10



MOHD Shah memberi makan ikan talapia yang ditenaknya di Sungai Nerus, Kampung Jeram Hilir, Tepoh.

Oleh Ahmad Rabiul  
Zulkifli  
am@hmetro.com.my

#### Kuala Nerus

**E**mpat daripada lima penternak ikan air tawar di Sungai Nerus di sini, terpaksa 'tutup kedai' selepas kerugian besar akibat aktiviti menuba ikan yang semakin menjadi-jadi di kawasan berkenaan.

Penternak ikan air tawar, Mohd Shah Abd Ghani, 40, dari Kampung Jeram Hilir, Tepoh berkata, sebelum ini, ada lima penternak ikan air tawar di sepanjang sungai berkenaan.

"Bagaimanapun, empat daripadanya terpaksa menghentikan operasi kerana sering mengalami kerugian.

"Setiap kali aktiviti menuba dijalankan, ikan ditenak termasuk patin, talapia, keli dan baung mati keracunan," katanya ketika ditemui di sangkar ikan miliknyanya, semalam.

Menurut Mohd Shah, pihak terbabit dipercayai menggunakan cecair klorin ketika

# Penternak ikan sangkar gulung tikar

*Tanggung rugi besar akibat aktiviti menuba sekitar Sungai Nerus makin menjadi-jadi*

menjalankan aktiviti menuba yang akhirnya menyebabkan air tercemar seterusnya menyebabkan ikan mati.

Mohd Shah berkata, sebelum ini memiliki 16 sangkar ikan namun kini hanya tinggal empat.

"Saya pernah kerugian sehingga RM50,000 apabila lebih 30,000 ikan ditenak mati keracunan akibat aktiviti menuba.

"Difahamkan, aktiviti menuba didalangi penduduk luar daerah namun menda-

pat kerjasama penduduk setempat menyebabkan ia sukar dibanteras," katanya.

Menurut Mohd Shah, dia berharap pihak berkaitan dapat mengambil tindakan bagi menangani isu aktiviti menuba itu.

"Sungai Nerus kaya dengan pelbagai jenis hidupan air tawar termasuk udang galah dan patin.

"Ia perlu diselamatkan daripada menjadi mangsa aktiviti menuba ikan yang kian berleluasa," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Terengganu Ruzaidi Mamat berkata, pihaknya ada menerima laporan mengenai aktiviti menuba ikan di Sungai Nerus dan ia dalam pemerhatian.

"Sebenarnya, bukan sahaja masalah menuba ikan yang menyebabkan penternak ikan air tawar dalam sangkar yang dijalankan terjejas tetapi kerana pencemaran sungai yang berpunca daripada aktiviti di daratan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2022	HARAKAH	NASIONAL	H29

## LPPM bantu petani alami kerugian

**TUMPAT:** Lembaga Pertubuhan Peladang Malaysia (LPPM) akan membantu petaninya yang mengalami kerugian akibat tanaman yang ditenggelami air berikutan banjir kilat baru-baru ini.

Pengerusinya, Dato' Che Abdullah Mat Nawi bagaimanapun berkata, sehingga hari ini (*selepas dua hari kejadian*) beliau belum lagi menerima laporan berkenaan.

“Tetapi kita akan minta LPP kawasan senaraikan jumlah petani yang terlibat khususnya di daerah Bachok dan Pasir Putih” ujarnya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Beliau bagaimanapun berkata, sumbangan yang akan diberikan adalah membantu meringankan bebanan petani terlibat dan bukannya bayaran ganti rugi.

16 Febuari lalu lebih 500 petani di Pasir Putih dan Bachok khususnya penanam tembikai mengalami kerugian berikutan banjir luar biasa di negeri itu.

Katanya, program Jualan keluarga Malaysia Parlimen Tumpat diteruskan lagi..

Terima kasih Kementerian Pengguna Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) atas pengajuran program ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2022	HARAKAH	UTARA	H17

## Wang Ehsan MADA untuk 20 pesawah tragedi kepala air

Oleh **SARINA ISMAIL**

**YAN:** 20 pesawah yang terkesan akibat tragedi kepala air Gunung Jerai enam bulan lalu menerima wang ehsan dari Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), di sini, baru-baru ini.

Sumbangan yang disampaikan oleh Pengerusinya, Ahmad Tarmizi Sulaiman menyasarkan kos keseluruhan sebanyak RM150,000 untuk membalkpulih tanah sawah yang dibanjiri lumpur akibat tragedi Ogos tahun lalu.

“Tragedi itu telah mengakibatkan kerosakan tanaman padi di mana tanah sawah terbabit dibanjiri dan diselaputi selut yang agak tebal. Oleh itu sumbangan wang ehsan ini secara tidak langsung dapat membantu mereka yang terlibat,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sik turut mengambil kesempatan singgah Warung Tepi Bendang (Wateb) di Kepala 10, Sedaka yang berada bersebelahan Jerami Castle tempat tumpuan penduduk persekitaran kebelakangan ini.

# APMM tahan dua bot, 15 nelayan Vietnam dicekup menceroboh

**PASIR PUTEH** – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan menahan dua buah bot yang dinaiki 15 nelayan Vietnam selepas didapati menceroboh dan menjalankan aktiviti menangkap ikan di lokasi 95.7 kilometer dan 97.8 kilometer dari Kuala Tok Bali, di sini kelmarin.

Pengarah APMM Kelantan, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Ab. Rahman berkata, kedua-dua bot terbabit dikesan menangkap ikan secara haram dengan menceroboh perairan negeri ini kira-kira pukul 5.40 petang semasa APMM melaksanakan Op Naga Barat dan Op Naga Laut.

Menurutnya, kedua-dua bot itu cuba meloloskan diri, namun bot pertama yang dinaiki 11 orang awak-awak dan seorang tekong berjaya ditahan pada pukul 6.10 petang, manakala bot kedua ditahan dalam tempoh 25 minit kemudiani.

“Bot kedua dinaiki dua awak-awak dan tekong telah bersembunyi di bilik enjin dengan membiarkan bot bergerak



Bot kedua dinaiki dua awak-awak dan tekong telah bersembunyi di bilik enjin dengan membiarkan bot bergerak tanpa kawalan.”

tanpa kawalan.

“Berdasarkan pemeriksaan, 15 nelayan asing itu berusia dalam lingkungan 20 hingga 65 tahun gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri,” katanya dalam satu kenyataan media di sini hari ini.

Syed Nor Adli berkata, pihaknya turut merampas peralatan menangkap ikan, ikan seberat 300 kilogram, 50 kilogram sotong kering dan 6,000 liter diesel yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM3 juta.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut turut mendapati, kedua-dua bot tidak memiliki permit untuk menangkap ikan di bawah Akta Perikanan 1985.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2022	SINAR HARIAN	MAHKAMAH& JENAYAH	15

# 159 nelayan Vietnam didenda RM38.25 juta

Ceroboh perairan negara untuk mengaut hasil laut

Oleh RAHAYU MUSTAFA

**KUALA TERENGGANU**

Tindakan 159 nelayan asing Vietnam menceroboh perairan negara bagi tujuan aktiviti menangkap hasil laut membawa padah apabila mereka didenda sebanyak RM38.25 juta.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu, Kapten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, sebanyak 14 buah bot nelayan yang ditahan pada Mac tahun lalu sehingga awal Januari tahun ini menerusi Op Naga Barat dan Op Kuda Laut turut dilucut hak.

Menurut beliau, hukuman itu diputuskan Mahkamah Sesyen di sini selepas semua nelayan asing berusia antara 18 hingga 60 tahun tersebut mengaku bersalah menceroboh perairan negara.

"Timbalan Pendakwa Raya, Farahah Mohd Nazari dan Haryati Abdullah bersama Seksyen Siasatan Maritim Negeri Terengganu telah berjaya membawa pendakwaan 15 kes tersebut dalam tempoh tiga hari berturut-turut.

"Hakim memerintahkan kesemua bot dan peralatan me-



Nelayan asing Vietnam dibawa ke Mahkamah Sesyen di Kuala Terengganu pada Rabu.

Antara bot nelayan Vietnam yang dilucut hak oleh mahkamah.

angkap ikan dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia dengan nilai rampasan sekitar RM20 juta," katanya dalam satu kenyataan media di sini pada Rabu.

Muhammad Suffi berkata, warga Vietnam tersebut juga bakal berhadapan hukuman penjara sehingga tujuh bulan sekiranya gagal menjelaskan denda terbabit.

Jelas beliau, pendakwaan dilakukan di bawah Seksyen 15(1) (a), Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan dalam perairan Malaysia dan Seksyen 16(3) Akta Perikanan 1985 kerana gagal memaklumkan tentang nama, bendera, lokasi, jalan dan destinasi serta keadaan vesel tersebut memasuki perairan perikanan Malaysia.

"Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara dan memandang serius penglibatan nelayan tempatan yang bersekongkol dan menjadi tali barut nelayan asing

"Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan dari masa ke masa untuk mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang maritim.

"Kita juga meminta kerjasama masyarakat terutama nelayan tempatan untuk melaporkan sebarang maklumat dan salah laku yang berlaku di perairan negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi) Maritim Negeri Terengganu," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	26

# Selamatkan ternakan ikan kerapu hibrid

Elak pengusaha terus rugi, segerakan pendalaman muara lama Kuala Semerak

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

## PASIR PUTEH

**K**erja-kerja pendalaman muara lama Kuala Semerak di sini perlu disegerakan bagi menyelamatkan industri ternakan ikan kerapu hibrid di Laguna Semerak daripada terus berdepan lebih banyak kerugian pada masa hadapan.

Difahamkan, masalah itu menyebabkan 50 pengusaha ikan kerapu hibrid di kawasan berkenaan mengalami kerugian mencecah RM10 juta setahun selepas hasil tersebut tidak dapat dijual.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, Wan Hassan Wan Ibrahim berkata, langkah itu merupakan alternatif terbaik yang dapat mengubah kandungan pH air, sekali gus menggalakkan lagi tumbesaran ikan menjadi lebih baik.

"Ia secara tidak langsung mampu menyelamatkan pengusaha ternakan ikan tersebut daripada terus berdepan kerugian," katanya semasa turun padang meninjau keadaan muara



Wan Hassan (kanan) menunjukkan keadaan terdnl muara lama Kuala Semerak, Pasir Puteh yang perlu disegerakan kerja-kerja pendalaman bagi menyelamatkan industri ternakan ikan kerapu hibrid di Laguna Semerak ketika membuat tinjauan pada Rabu.

lama Kuala Semerak di sini pada Rabu.

Beliau berkata, muara kuala yang tertimbus itu menyebabkan kawasan tersebut menjadi 'mati' apabila air gagal mengalir dengan sempurna.

Menurutnya, masalah itu menyebabkan berlakunya longgokan sisa makanan ikan yang dianggarkan setinggi satu meter di dasar sungai sehingga komposisi air bertukar kotor dan berlumpur.

Tidak cukup dengan itu, Wan Hassan berkata, ternakan ikan turut berdepan ancaman penyakit atau bakteria apabila air dari Laguna Semerak gagal mengalir keluar terutama pada musim banjir.

"Muara yang tertimbus ini

perlu segera digali bagi membolehkan air mengalir dengan sempurna, sekali gus memberikan manfaat kepada tumbesaran ikan," katanya.

Menurutnya, kerja-kerja pengambilan kira-kira 0.4 hektar tanah di kawasan tersebut telah dilakukan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh.

Jelas beliau, ia melibatkan perbelanjaan lebih RM800,000 bagi membolehkan penggalian semula kuala lama untuk pengaliran keluar masuk air dalam jarak yang dekat.

Ujarnya, langkah yang amat diperlukan ialah menggali semula kuala lama yang tertimbus selain peruntukan yang besar untuk menyelamatkan industri makanan daripada terus kerugian.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2022	SINAR HARIAN	BISNES	30

Mempunyai 300 ejen di seluruh negara, ia memudahkan pengguna dapatkan baja ikan untuk tanaman

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

**KANGAR**

**B**ermula dengan modal tidak sampai RM200, kini seorang anak jati Kuala Perlis, mampu menjana pendapatan lumayan melalui jualan baja ikan viral Aida Azizi untuk tanaman.

Menurut usahawan, Aida Ramli, 38, pada peringkat permulaan, dia hanya mampu menjual sekitar 20 kilogram (kg) baja ikan sebulan.

"Bagaimanapun, permintaan terhadap baja ikan ini makin meningkat hingga tempahan mampu mencapai sekitar tiga tan dalam tempoh seminggu sahaja.

"Alhamdulillah, baja ikan diusahakan sejak lima tahun lepas kini mula meraih perhatian

umum hingga kini mampu terjual sehingga 12 tan dalam tempoh sebulan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* baru-baru ini.

Menurutnya, baja ikan dihasilkan amat sesuai untuk aneka jenis tanaman termasuklah bunga, sayur dan buah kerana diperbuat daripada 100 peratus bahan organik.

Aida berkata, baja ikan berkenaan mampu menghasilkan pokok sihat dan bertenaga, malah mempercepatkan pengebungan pokok tanpa sebarang bahan kimia.

"Alhamdulillah, saya kini memiliki 300 ejen di seluruh negara, sekali gus memudahkan pengguna mendapatkan baja ikan untuk tanaman yang diusahakan mereka," katanya.

Dia juga sering menunjuk-

kan kaedah penggunaan baja ikan melalui media sosial bagi memberi kefahaman kepada pengguna, sekali gus ia berjaya meyakinkan mereka untuk menggunakan produk tersebut.

Ujarnya, selain itu, sebuah nurseri pokok dikenali sebagai Aida Garden Nursery turut diusahakan di tepi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Perlis, Jalan Bukit, dekat sini.

"Jadi, orang awam boleh mendapatkan baja ikan ini di nurseri ataupun melalui platform dalam talian seperti Shopee dengan harga RM15 untuk sekilogram," katanya.

Ujarnya, dia turut memiliki cawangan di Kuala Sungai bagi memudahkan pelanggan mendapatkan baja ikan dan tanaman yang diinginkan.

# Baja ikan Aida dapat sambutan hangat



Aida menunjukkan produk baja ikan untuk aneka jenis tanaman yang turut dijual di Aida Garden Nursery di Perlis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2022	NST	NATION/NEWS	11

# MMEA NABS 15 VIETNAM FISHERMEN

They were illegally fishing in Malaysian waters off Kelantan, says state MMEA director

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH  
PASIR PUTEH  
news@nst.com.my

**T**HE Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) seized two foreign fishing vessels with 15 crew members for encroaching into Malaysian waters here on Tuesday.

Its state director, Captain Syed Nor Adli Ab Rahman, said the crew, including two skippers, were conducting illegal fishing activities when they were arrested at 51.7 nautical miles and 52.8 nautical miles off Tok Bali here.

He said a patrol boat from the agency was conducting Op Naga Barat and Op Kuda Laut when they spotted the two vessels.

"The first vessel with 12 crew members, including a skipper, were illegally fishing at 51.7 nautical miles off the beach when they were arrested at 5.40pm," he said.

"Further checks found that all the 12 crew members did not possess valid identification documents."

Nor Adli said the second vessel with a skipper and two crew members on board, was detained 25 minutes later at 52.8 nautical miles off the same beach.



The first vessel with 12 crew members, including one skipper, was spotted at 51.7 nautical miles off Tok Bali in Pasir Puteh, Kelantan, on Tuesday. PIC COURTESY OF MMEA

He said the two vessels and their fishing equipment, 350kg of fish and squid and some diesel, all valued about RM3 million, were also seized in the operations.

He added that the crew members, aged between 20 and 65, was being held for further investigations.

"The 15, all from Vietnam, are required to undergo Covid-19 tests soon."

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA  
SURAT

24/2/2022

UTUSAN  
MALAYSIAGAYA  
INOVASI

24

Oleh SAFINA RAMLI  
gayoutusan@mediamula.com.my

**S**TELAH tiga tahun berusaha menjalankan pelbagai teknik penyelidikan, pasukan penyelidik Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) berjaya membiak secara konsisten beberapa spesies ikan inggu (*clownfish*) di Akuarium Tunku Abdul Rahman Pulau Pinang, Batu Maung di sini.

Penolong Pegawai Penyelidik FRI, Dzulfikkar Bahtulma'mur berkata, antara spesies ikan inggu atau lebih dikenali nemo yang berjaya dibiak ialah *Amphiprion ocellaris*, *Amphiprion perideraion*, *Amphiprion biaculeatus* dan pasangan kacukan di antara (*Amphiprion ephippium* x *Amphiprion melanopus*).

Dzulfikkar yang mengetuai penyelidikan ikan nemo itu berkata, penyelidikan ikan itu bermula pada 2018 selepas pihaknya mendapati ikan inggu yang ditempatkan sebagai ikan pameran di Akuarium Tunku Abdul Rahman mula menunjukkan perubahan untuk membiak.

"Kita mencuba pelbagai teknik secara cuba dan jaya untuk menjalankan pembiakan ikan nemo kerana pasukan kami tidak pernah menjalankan penyelidikan mengenainya sebelum ini."

"Selepas lebih lima kali percubaan, kami berjaya menerusi teknik yang betul dan mula membiak ikan nemo ini dengan teknik induk dipindahkan bersama dengan telur," katanya ketika ditemui di Akuarium Tunku Abdul Rahman Pulau Pinang, baru-baru ini.

Menurutnya, kejayaan pembiakan yang konsisten beberapa spesies ikan nemo itu diharapkan dapat mewujudkan satu sumber baharu pendapatan kepada pengusaha-pengusaha ikan hiasan air masin.

Katanya, ikan nemo mengambil masa sekurang-kurangnya lima bulan untuk dibiak menjadi ikan induk yang bersedia untuk dijual sebagai ikan hiasan.

"Ikan ini mempunyai peminatnya yang tersendiri malah harganya juga memecah ratusan ringgit dan mampu menjana pendapatan kepada mereka yang berminat untuk membiakkan ikan hiasan ini," katanya.

## Biak ikan nemo dalam akuarium

**“**Sasaran kami ialah untuk memberikan peluang pendapatan baharu menerusi pembiakan ikan nemo sama ada secara komersial atau di kawasan rumah sendiri kerana pembiakan ikan nemo ini



DZULFIKKAR Bahtulma'mur dan Nurul Shihada Ibrahim memaparkan spesies ikan inggu yang berjaya dibiakkan di Akuarium Tunku Abdul Rahman Pulau Pinang, Batu Maung, di Pulau Pinang.



ANAK ikan inggu yang bersedia untuk dipindahkan ke tangki pembesaran

### CABARAN PEMBIAKAN


Mengulas mengenai aspek cabaran, katanya, keadaan cuaca merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh pasukan berkenaan ketika membiak ikan tersebut di dalam tangki kerana induk ikan inggu amat sensitif kepada sebarang perubahan bunyi.

"Induk ikan ini amat sensitif terhadap bunyi, jadi kami menghadapi masalah ketika membiak kerana induk induk amat sensitif kepada bunyi

hujan, guruh dan kilat.

"Induk yang berasa terancam ketika berlaku bunyi kuat pada waktu hujan akan cenderung memakan telurnya sendiri kerana sifatnya yang terlalu melindungi telur," katanya.

Selain itu, katanya, di peringkat awal proses percubaan pembiakan, anak-anak ikan yang baharu menetas juga sering hilang kerana terancam di dalam tangki (pembesaran).



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	25



DZULFIKKAR Baitulma'mur memberi makanan kepada anak-anak ikan inggu yang berada di dalam tangki pembiakan.



DZULFIKKAR Baitulma'mur dan Nurul Shuhada Ibrahim menunjukkan spesies ikan inggu yang berjaya dibiakkan.

"Ketika itu pasukan kami masih baharu di peringkat permulaan mencuba secara trial and error dalam pembiakan ikan ini. Selepas beberapa ketika, baharu pasukan kami dapat mengenalpasti mengapa anak-anak ikan yang baharu menetas 'hilang' setiap kali baharu menetas. Hanya selepas itu kami menukar filter dengan jaring yang lebih halus agar anak ikan tidak termasuk di dalam sistem filter ini," katanya.

Tambahnya, pembiakan di dalam tangki juga berbeza dari kawasan laut dari segi keadaan batu karang, rumpai air, makanan ikan dan sebagainya. "Kami perlu mencipta suasana seperti di dalam laut di dalam tangki bagi menyesuaikan keadaan semulajadi ikan untuk menghasilkan telur dan memastikan induk ikan berasa selesa," katanya.

**TAWAR LATIHAN**  
 Tambahnya, pasukan penyelidik FRI juga bersedia untuk menawarkan latihan kepada mereka yang berminat untuk mendalami teknik pembiakan ikan nemo. "Sasaran kami ialah untuk memberikan peluang pendapatan baharu menerusi pembiakan ikan nemo sama ada secara komersial atau di kawasan rumah sendiri kerana pembiakan ikan nemo ini mempunyai masa depan yang cerah dalam industri ikan hiasan di negara ini," katanya.

Dalam pada itu katanya, kejayaan tersebut juga mampu menghalang pengambilan ikan nemo yang tidak terkawal daripada persekitaran liar yang boleh menjejaskan populasi ikan nemo. "Teknik pembiakan sama yang ditambah baik dapat digunakan kepada spesies dan kacukan ikan nemo yang lain pada masa depan," katanya.

## Kaedah pembiakan ikan nemo

DZULFIKKAR berkata, ikan inggu ini merupakan spesies hermaphrodit iaitu spesies yang mempunyai organ reproduksi jantan dan betina dalam satu tubuh. "Semasa kecil, ikan nemo ini merupakan ikan jantan yang tidak dominan dan selepas berusia setahun, akan muncul seekor ikan nemo di dalam kumpulannya menjadi dominan.

"Ikan yang bertukar menjadi dominan ini akan bertukar menjadi ikan betina yang kemudiannya boleh menjadi induk untuk menghasilkan telur," katanya.

Tambahnya, antara kaedah pembiakan yang digunakan untuk pembiakan ikan inggu di dalam tangki ialah menggunakan proses pengasingan ikan yang matang untuk mendapatkan induk betina.

"Apabila kita telah memperoleh induk, ia akan dapat bertelur dan induk berkenaan akan dipindahkan bersama-sama

dengan telur di dalam tangki," katanya.

Tambahnya, ikan induk akan bertelur di dalam tangki induk dan selepas tujuh hingga sembilan hari anak-anak ikan akan mula menetas. "Anak-anak ikan akan dipindahkan ke tangki pembesaran awal dan berada di sana sekitar 14 hingga 20 hari. Kemudian ia akan dipindahkan ke tangki pembesaran akhir dan secara keseluruhan pusingan pembiakan serta pembesaran ikan ini akan mengambil masa sekitar tiga bulan dan bersedia untuk dijual," katanya.



INDUK ikan inggu jantan dan betina sedang membersihkan substrat bagi meletakkan telur.



LARVA ikan inggu yang berusia satu hari dan yang sudah berusia tiga bulan.





24 FEB, 2022

## Rep: PPK best agency for farmers to receive farming assistances

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2



Edwin (right) presents a packet of vegetable seeds to Lidam.

# Rep: PPK best agency for farmers to receive farming assistances

James Ling

**KAPIT:** Katibas assemblyman Lidam Assan recently officiated at the annual general meeting of Song District Farmers' Organisation (PPK) at the Song Community Hall.

With him were the permanent secretary to the Ministry of Agriculture Modernisation and Regional Development, Datu Edwin Abit; Kapit Division agriculture officer Aicher Joseph Toyat; Song District agriculture officer Paing Inyok and chairman of Song District PPK, Frankie Muling.

A total of 92 participants representing 46 PPK units throughout Song district attended the meeting.

In his speech, Lidam emphasised that the PPK is the best agency for farmers to come together to receive farming assistances.

"For example, the government through the PPK provides wide range of subsidies to farmers like fertiliser for paddy farmers and pepper farmers, fruit seedlings, agrochemicals like growth hormones, weedicide and so on."

he said.

On the Song PPK, he outlined what it should do, and reminded that each activity carried out should bring return on investment (ROI) so that members can get the best results.

He urged each member to contribute to product development in the name or brand of Song PPK.

The assemblyman said the PPK must play a role in contributing and meeting the needs of the country to produce products that comply with all the safety measures for food security at least in their respective areas.

"In this light, the PPK complements the government's effort towards 'food security'. Farmers should venture into commercial farming to produce quality products for the market," he added.

On leadership quality, he emphasised that there is a need for members with high calibre to lead and to bring the PPK forward so that all activities carried out in the name of the PPK are based on integrity without compromise for the benefit of all members.

On another matter, Lidam

called on the Fama office in Sibü that since there were over 3,540 farmers in Song. It must be pro-active to be catalyst as a marketing platform for their products.

At the function, Lidam announced government grant of RM20,000 to PPK Song to start the Song Agriculture Market which is expected to be a proper venue for farmers to display and sell their farm produce.

He also proposed to the Agriculture Department to set up an agriculture centre to act as nursery for fish fry and to demonstrate modern farming using technology.

"A centre that is convenient for fish breeders to collect the fish fry, Song district is suitable for fresh fish breeding due to its rugged terrain with various streams and rivers to breed indigenous fish like Ikan Empurau, Ikan Tengadak, Ikan Semah and other breeds.

"It should also be a centre to demonstrate modern farming using hydroponic (water), for example for growing chilli, sweet potatoes and so on," he added.

Edwin also spoke at the function.